

Analisis Fungsi Sinografi: Komunikasi Visual melalui Pementasan Teater SARAH

MOHD AMIR MOHD ZAHARI

AZRUL AZIZI AMIRRUL

MARDIANA ISMAIL

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Artikel ini membicarakan fungsi sinografi dalam membina aspek komunikasi secara visual melalui Teater SARAH. Fungsi sinografi dalam sesebuah pementasan seperti reka bentuk set, pencahayaan dan kostum merupakan elemen penting dalam teater. Peranan sinografi dapat membantu pelakon menjawai watak dengan penuh penghayatan. Reka bentuk sinografi yang diletakkan di atas pentas membantu para pelakon untuk mengenal pasti peranan dan tanggungjawab mereka tentang keperluan dalam beraksi di atas pentas serta dapat memvisualkannya untuk memberi kefahaman kepada penonton. Komunikasi visual dalam sesebuah pementasan terbahagi pada tiga set iaitu kostum, tatarias (*makeup*) dan pencahayaan. Elemen visual perlu bersatu, berkait dan lengkap untuk memberi keberkesan dalam sesebuah pementasan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis ke atas Teater SARAH yang telah dipentaskan di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia pada Oktober 2019. Penyelidikan dan penelitian secara terperinci telah dijalankan bagi menganalisis nilai-nilai artistik dalam rekaan sinografi melalui Teater SARAH. Fokus kajian berkaitan analisis fungsi sinografi dalam memainkan peranan untuk memberi interpretasi penonton bagi memahami simbolisme yang dipaparkan dalam setiap babak pementasan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis peranan visual sinografi sebagai medium komunikasi terhadap pementasan teater tersebut. Dua kaedah yang telah digunakan untuk pengumpulan data iaitu temu bual secara separa berstruktur dan pemerhatian terhadap rakaman video pementasan yang diperoleh daripada pengarah teater. Penyelidik telah mengenal pasti bahawa nilai-nilai estetika yang disampaikan telah memberi kesan dramatik terhadap persembahan teater. Malahan, komunikasi visual dalam pementasan dapat memperlihatkan kepada penonton untuk mengenali maksud sosial dan budaya sesebuah karya dan memahami makna imej-imejnya yang tersendiri.

Kata kunci: *Drama pentas, komunikasi visual, fungsi sinografi, pementasan SARAH, teater.*

An Analysis of Scenography Functions: Visual Communication Through the SARAH Theatre

ABSTRACT

This article discusses the issues of the function of scenography in building aspects of visual communication through the SARAH Theatre. The function of scenography on stage such as set design, lighting and costumes is an important element in theatre. The role of scenography can help the actor with full appreciation. Scenographer design placed on the stage helps the actors to identify their roles and responsibilities through understanding the needs of performing on stage and being able to visualize to

give understanding to the audience. Visual communication on a stage is divided into three sets, costumes, make-up, and lighting. Visual elements must be united, connected and complete to give effectiveness in a stage. The method used in this study is an analysis of the SARAH Theater which was staged at the Center for Art Studies, Universiti Sains Malaysia in October 2019. Detailed research was conducted to analyze the artistic values in scenography design through the SARAH Theater. The focus of the study is related to the analysis of the function of scenography in playing a role in giving the audience an interpretation of understanding the symbolism displayed in each scene of the staging. This study uses a qualitative method by analyzing the visual role of scenography as a medium of communication for the stage. The two approaches used for data collection are semi-structured interviews and observation of video recordings of performances obtained from the theatre director. Researchers have identified that the aesthetic values presented have had a dramatic effect on the performance. Visual communication on stage can lead the audience to recognize the social and cultural meaning of a work and also to understand the meaning of its images.

Keywords: *Stage drama, visual communication, scenography function, Sarah's staging, theater.*

PENDAHULUAN

Sinografi adalah visual yang mencipta satu suasana (Mollay, 2014). Peranan elemen visual ini perlu bersatu, seragam, berkait rapat, seimbang dan memaparkan kesan dramatik. Elemen-elemen sinografi dalam pementasan mampu memaparkan seni visual yang perlu berkomunikasi dan berinteraksi kepada para penonton. Pemikiran seni visual ialah satu bentuk ideologi pengarah yang menggunakan hasil pandangan untuk melihat dan membayangkan sesuatu yang dipersembahkan. Penonton inginkan sebuah lakaran cerita bagi tujuan menarik perhatian mereka dan memahami secara holistik karya tersebut. Hal ini juga menggambarkan interpretasi penonton terhadap teater yang akan dipentaskan dapat membuatkan mereka berfikir secara kritis dan menghayati setiap elemen sinografi yang dipaparkan dalam pementasan.

Aspek visual dalam sebuah pementasan dan sinografi begitu penting untuk bertindak sebagai medium komunikasi kepada para penonton. Apa yang dilihat, apa yang diceritakan dapat memberi kesan kepada para penonton. Sehubungan dengan itu, dalam melaksanakan sebuah pementasan teater, sinografi yang ingin dipaparkan di atas pentas memerlukan perancangan yang mantap. Pereka sinografi mestilah perlu sentiasa berhubung dan berdiskusi dengan pengarah dan penulis skrip serta ahli-ahli dalam pasukan kreatif yang lain agar proses reka bentuk serta konsep yang diperlukan dalam pementasan dapat dihasilkan secara kreatif.

Penelitian yang terperinci perlu dijalankan dengan sebaik mungkin sebelum memilih keputusan tentang apa yang dipersembahkan kepada para penonton. Hal ini kerana sinografi yang dipaparkan dalam sesebuah pementasan perlu mempunyai ciri-ciri menyampaikan sesuatu kepada penonton agar cerita itu dapat difahami (Howard, 2009). Perkara ini tidak seperti hanya melihat lukisan sahaja untuk menganalisis apa yang cuba disampaikan oleh pelukis. Pementasan sebuah drama lazimnya mengambil masa selama dua hingga tiga jam. Melalui cerita yang dipentaskan pula terdapat pertukaran babak dan pertukaran set dilakukan, penonton hanya mengambil masa singkat untuk menghayati hasil sinografi yang dipentaskan. Pereka sinografi memikul tugas yang berat dalam sesebuah pementasan, termasuklah pereka set, penata cahaya, pereka kostum dan tatarias (*make-up*). Pereka menganalisis teks karya agar dapat memahami elemen-elemen sinografi melalui pandangan yang jelas pertalian di antara apa yang dilihat, dengan penerimaan penonton dan dengan apa yang diberikan. Persembahan dari segi lakonan

dan karya yang bermutu sahaja tidak mencukupi jika tiada sokongan visual dan elemen teaterikal. Pandangan teaterikal terbahagi kepada tiga aspek iaitu ‘rupa’ (*look*), ‘bunyi’ (*sound*) dan ‘bentuk’ (*shape*). Justeru, pandangan dan kemegahan teater dapat dicapai melalui rekaan yang dimaksudkan dengan sinografi.

Visual pentas memainkan peranan yang penting dalam sesebuah pementasan, walaupun terdapat unsur-unsur maksimum atau kadangkala kekurangan. Peranan sinografi bukan sahaja kerja-kerja untuk ‘mencantikkan’ pentas, malah merangkumi penganalisisan dramatik dalam pementasan. Bukan sahaja mengambil berat terhadap ruang pentas tetapi perkaitannya dengan ruang panggung secara keseluruhannya seperti membina dan mengecat, projeksi, bukan sahaja set yang statik tetapi yang mempunyai potensi untuk digerakkan. Dari keseluruhan pentas, bukan hanya membina sebuah tempat yang pasif untuk aksi dramatik tetapi perlu menyediakan tempat yang fleksibel, mempunyai elemen-elemen dinamik untuk nilai-nilai teaterikal dan elemen yang mampu meluahkan maksud sesebuah persembahan (Mohammad Taufiq, & Wan Ab Aziz, 2018).

Penyelidikan ini tertumpu pada rekaan pencahayaan, pengayaan kostum dan tata rias dalam pementasan Teater SARAH. Tumpuan kajian adalah berkaitan dengan fungsi sinografi yang divisualkan dalam pementasan Teater SARAH yang telah dipentaskan di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM). Pementasan ini adalah jalinan kerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara. Pementasan ini dijayakan atas penghormatan kepada SN Noordin Hassan yang telah banyak berjasa dalam menghasilkan karya-karya drama yang bermutu. Justeru itu, pementasan ini telah berjaya dipentaskan dengan kedua-dua institusi yang hebat ini dalam mempergiatkan lagi usaha bagi menjayakan pementasan Teater SARAH ini. Pementasan telah berlangsung selama tiga hari yang bermula pada 16 hingga 18 Oktober 2019. Teater SARAH yang dipentaskan telah mengetengahkan ciri-ciri *dream-like* iaitu salah satu ciri *surrealism* yang dikatakan berada di dalam keadaan dunia bawah sedar. Tiada satu ciri yang jelas seperti nyata dan fizik. Oleh itu paparan yang berlatarbelakangkan *absurd* memerlukan keprihatinan penonton untuk menginterpretasikan karya tersebut agar jalan cerita dapat difahami.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Roselina (2009), pementasan drama merupakan salah satu unsur komunikasi antara manusia dalam menyampaikan maklumat. Sebuah karya drama yang dihasilkan merangkumi ciri-ciri drama pentas. Kisah yang disampaikan melalui dialog dan merangkumi jalan cerita mengikut babak dan adegan yang dipaparkan. Persembahan yang dipentaskan lazimnya memaparkan kisah-kisah realiti kehidupan yang dapat dijadikan sebagai medium dalam mengembangkan sebuah cerita. Hal ini termasuk aspek lakonan yang menggerakkan cerita dan kisah untuk ‘menghidupkan’ sesuatu naskah tersebut. Sehubungan dengan itu, peranan pengarah dan pemikir yang perlu mengolah cerita untuk menjalani proses selektif diadun supaya menjadi sebuah cerita yang dramatik. Keunggulan pementasan yang menyelitkan elemen-elemen dramatik mampu menarik minat penonton untuk lebih menghayati sebuah pementasan itu. Bagi Teater SARAH yang dipentaskan di USM, Pengarah telah menerapkan elemen-elemen abstrak. Abstrak yang mengekalkan konsep anti realisme. Sedia maklum, drama SARAH ini hasil karya SM Noordin Hassan. Noordin Hassan merupakan salah seorang pelopor *surrealisme* (Ariffin, 1981). Melalui gaya abstrak ini, ternyata pengarah telah berjaya mewujudkan ciri-ciri *dream-like* iaitu

salah satu ciri *surrealism*. Menurut kandungan buku yang ditulis oleh Zakaria Ariffin, karya Noordin Hassan seringkali menggarap aliran absurditi yang bertujuan mengangkat dan menyuarakan suara kecil khususnya bagi masyarakat Melayu. Cara pemikiran dan bentuk persembahan absurditi ini dapat menyuarakan suara kecil bagi golongan masyarakat Melayu. Dengan mengayakan konsep absurditi ini, sinografi memainkan peranan yang amat penting untuk menjadi salah satu medium komunikasi yang boleh disampaikan kepada para penonton. Setiap elemen sinografi harus ditunjukkan secara jelas agar para penonton dapat memahami jalan cerita yang disampaikan kepada penonton.

Penghasilan naskhah Noordin Hassan sinonim dengan unsur-unsur simbol dan imejan (Ani et al., 2019). Merujuk Ani Omar, karya SM Noordin Hassan seringkali mendapat tempat dalam kalangan peminat teater kerana seringkali membuatkan pengarah dan para penonton untuk terus berfikir, mencabar untuk mempersempahkan karya dan sesiapa sahaja untuk berfikir melangkaui kebiasaan. Jika dilihat dalam karya pementasan Teater SARAH telah membuatkan para penonton menghayati dengan berfikir jalan cerita yang disampaikan dengan bantuan elemen sinografi seperti reka bentuk set, pencahayaan, kostum dan sebagainya. Perkara ini mencetuskan pemikiran penonton secara kritis dengan adanya konsep kreativiti yang dipersembahkan sekaligus dapat menarik perhatian penonton untuk mengkaji dan meneliti persembahan secara kritikal.

Karya yang berkonsepkan abstrak memerlukan aspek sinografi yang menjadi dominan dan penting. Jika berpandukan genre abstrak, jalan cerita dan lakonan perlu diteliti dan berfikir secara kritis. Oleh yang demikian, sinografi memainkan peranan sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan cerita dengan lebih estetik. Bagi *Sophocles*, sebuah persembahan pentas itu yang digarapkan secara holistik seperti gabungan set, prop dan kostum dapat dijadikan sebagai satu bentuk medium komunikasi dan gabungan ini dapat memberi kesan dramatik untuk menyampaikan jalan cerita dan elemen-elemen kekaguman dalam pementasan tersebut (Courtney, 1991).

Apa yang dikatakan dengan elemen Sinografi itu? Sinografi merupakan salah satu terminologi dalam sebuah pementasan teater secara langsung yang menitikberatkan aspek artistik sebuah produksi khususnya rekaan set, pencahayaan, kostum, tatarias dan bunyi. Melalui pementasan Teater SARAH, terdapat beberapa gabungan dalam aspek rekaan set dan kostum yang digayakan oleh para pelakon. Dua elemen ini mengandungi unsur-unsur artistik yang saling berkait dan bergantung antara satu sama lain bagi meninggalkan kesan dramatik dalam persembahan. Jika dilihat dari aspek pencahayaan, ia begitu memberi impak dalam pementasan Teater SARAH. Pencahayaan yang menarik mampu memberi kesan dramatika, khususnya naskah ini yang berkonsepkan anti realisme. Setiap fungsi pencahayaan perlu diteliti dan mesti menjalankan gabungan antara lakonan, mood pelakon, latar cerita, latar tempat dan sebagainya. Pereka pencahayaan perlu mengkaji dan menghayati naskah dengan baik supaya pereka pencahayaan *mise en scene* dan dapat “membaca” kehendak setiap babak dan pengarah.

Pereka artistik perlu menekankan aspek kreatif, simbolisme dan nilai-nilai estetika di samping menitikberatkan unsur artistik reka dan prinsip rekaan dalam satu karya yang dihasilkan. Dalam aspek reka bentuk sinografi, penelitian yang terperinci perlu menjadi sebuah proses pelaksanaan. Perancangan sebaik mungkin sebelum memilih dan menggunakan rekaan tersebut memerlukan masa, tenaga, kreativiti supaya setiap reka bentuk yang dihasilkan dapat diterima oleh para penonton.

Proses penghasilan kerja sinografi adalah sebuah kerja praktikal yang memerlukan seorang pereka mengekspresikan idea secara kreatif dan inovatif. Penghasilan perlu menjurus kepada kefahaman dalam aspek simbolisme atau perlambangan mengikut kehendak cerita dan kehendak pengarah. Kehadiran seni sinografi bukan sekadar reka bentuk yang dihias di atas pentas semata-mata (Howard, 2002), namun seni visual perlu dipersembahkan kepada para penonton supaya menampakkan melalui ruang yang dibina dapat direka ditambah pula dengan pencahayaan dan sebagainya.

Selain itu, kajian Balodis (2012) bertajuk *The practice of adaptation* menghuraikan tentang teater dan memberi inspirasi lebih terfokus dalam bab enam iaitu bahagian pencahayaan yang bertajuk *"Light and Shadow in the Theatre"*. Kehadiran pencahayaan dalam sesuatu babak dalam pementasan bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh pereka cahaya. Perkara ini menyebabkan pereka cahaya mengambil masa yang lama untuk menerokai bahagian ini. Namun begitu, aspek penggunaan teknologi dalam pementasan juga diambil kira terutamanya pada bahagian pencahayaan. Penggunaan teknologi dalam pencahayaan dapat mewujudkan peluang untuk memberikan gambaran luar biasa yang mengandungi unsur-unsur kekaguman dalam pementasan supaya dapat memberi kefahaman yang tinggi kepada para penonton dalam persembahan tertentu (Dunham, 2011). Sehubungan dengan itu, pereka pencahayaan perlu menyusun, merancang dan melaksana setiap elemen pencahayaan seperti penggunaan warna yang berlainan dan gabungan setiap set dan prop yang digunakan dalam setiap pementasan. Dengan gabungan warna-warna gel yang digunakan dapat membantu pelakon untuk menjawai watak dengan mudah jika gambaran persekitarannya yang dicipta adalah jelas. Peranan pencahayaan boleh dipelbagaikan untuk mengekspresikan sesuatu dalam pementasan kerana dipengaruhi oleh perkembangan latar masa, latar zaman, era dan latar masyarakat. Oleh itu, tugas pereka pencahayaan juga perlu menjalani proses eksperimen dengan menggunakan kepelbagaiannya seiring dengan konsep cerita dan jalan cerita supaya ia bersesuaian dengan cerita.

Kajian yang dijalankan oleh Fernando de Toro (1995) dengan tajuk *"Theatre Semiotics: Text and Staging in Modern Theatre"* menerangkan kaedah dalam bentuk pandangan semiotik dalam sebuah persembahan teater atau pandangan sesuatu makna dari pelbagai elemen yang membentuk hubungan antara teks dan menggambarkan sebuah cerita di atas pentas. Namun begitu, kandungan buku ini telah menyatakan bahawa setiap teater yang beraliran abstrak telah memberi penekanan terhadap sesuatu semiotik atau lambang bagi meletakkan unsur-unsur visual yang bertujuan menyampaikan sesuatu kepada para penonton.

Not only does the stage action influence the audience, but the audience also influences the stage action. The audience is therefore omnipresent in the structure of stage production (De Toro, 1995, hlm. 97).

Pernyataan di atas ini menyatakan bahawa dalam sebuah pementasan tidak berhasil dan tiada keseronokan tanpa adanya penonton. Kehadiran penonton ke panggung teater merupakan satu kelebihan dalam sebuah pementasan. Oleh itu, kehadiran penonton mampu memainkan peranan penting dalam proses pentafsiran terhadap persembahan yang ditonton. Penonton yang hadir ke panggung dapat memberi interpretasi dalam menyaksikan persembahan supaya mereka

juga berfikir berkaitan jalan cerita dan keasyikan para pelakon yang menyampaikan dan menjayakan watak tersebut. Melalui pementasan Teater SARAH, perlambangan atau unsur-unsur semiotik ini juga dipaparkan dan membuatkan para penonton berfikir tujuan atau peranan setiap penggunaan set, pencahayaan, prop atau kostum dalam pementasan tersebut. Hal ini juga menunjukkan penonton dan elemen sinografi merupakan satu nilai yang berkait rapat, supaya penonton dapat menghayati cerita yang disampaikan. Penonton ingin melihat sesuatu cerita di atas pentas yang dapat menggambarkan latar belakang masa, zaman, tahun dan tempat. Hal ini menunjukkan peranan sinografi dalam semiotik amat penting bagi menggambarkan realiti dan dapat meningkatkan kefahaman berkaitan cerita tersebut.

Visual pentas yang dipaparkan dalam sebuah teater bertindak sebagai medium komunikasi. Justeru itu, perea sinografi bertindak dalam ‘menghias’ mengikut naskah atau pengarah dalam mengisi ruang pentas dengan set, prop, kostum dan pelbagai lagi. Perkara ini juga menjurus kepada simbol atau lambang yang ditonjolkan supaya para penonton dapat memahami cerita yang disampaikan mempunyai makna-makna tertentu (Kamaruzzaman, Shuhaida & Bahiyah, 2013). Aspek visual yang dipaparkan juga merupakan salah satu perkara penting dalam penyampaian maklumat. Sebagai contoh, dalam rekaan kostum visual kostum yang digayakan oleh pelakon mampu menarik perhatian penonton dengan mengenali watak yang dijayakan. Reka bentuk watak seseorang menjadi elemen penting dalam mempengaruhi penonton. Hal ini amat penting. Penampilan seseorang watak berupaya membantu penonton untuk membeza-bezakan setiap watak dan perwatakan (Nor Ain, Zairul & Sim, 2016). Selain itu, bukan hanya pada pembentukan watak sahaja, malah penggunaan kostum memainkan peranan penting dalam penyampaian cerita dengan memberi gambaran yang jelas tentang sesuatu kejadian dalam cerita dan zaman di sebalik cerita tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini meneliti hubungkait antara aspek sinografi dengan komunikasi visual melalui pementasan teater SARAH. Kajian ini menggunakan reka bentuk *exploratory*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan segala bentuk penelitian, nilai, tanggapan serta dapatkan data yang diperolehi dihuraikan dengan jelas dan terperinci secara deskriptif dan inferensi terhadap pementasan SARAH yang dipentaskan di Universiti Sains Malaysia (USM). Kaedah temu bual secara separa berstruktur dan pemerhatian terhadap rakaman video pementasan yang diperoleh dari pengarah teater untuk mendapatkan data secara holistik. Di samping itu, pengumpulan data pengkaji juga dibantu dengan menjalankan pemerhatian terhadap kostum dan tatarias yang digayakan oleh para pelakon. Turut dijalankan aspek pemerhatian terhadap para penonton semasa pementasan berlangsung.

Seterusnya, data-data diperoleh melalui perbincangan, perbahasan, serta pemerhatian. Melalui pengumpulan data ini segala maklumat terperinci dikumpul secara serentak dan reka bentuknya lebih bersifat fleksibel.

Selain itu, pengkaji juga mengambil maklumat berkaitan artikel daripada Wacana Seni *Journal of Arts Discourse*, Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Humaniora, *The Drama Review* dan *Semiotica*. Kebiasaannya, pemerhatian tidak melibatkan sebarang komunikasi antara dua pihak, penyelidik akan menilai reaksi bagaimana penonton berinteraksi dengan pementasan yang ditonton. Adakah mereka memahami jalan cerita, penggunaan set, prop dan lakonan yang dijayakan. Hal ini juga dapat membantu dalam penganalisisan data dengan melihat reaksi muka secara

berhadapan dalam konteks elemen-elemen sinografi sebagai medium komunikasi terhadap teater tersebut. Oleh hal demikian, tiga elemen sinografi seperti pencahayaan, reka bentuk set, termasuk juga dengan kostum dan tatarias.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa, proses reka bentuk yang dihasilkan adalah untuk mendapatkan hasil sebuah rekaan sinografi dan binaan set teater yang lebih mantap. Sehubungan dengan itu, perancangan dan pelaksanaan amat penting bagi seorang pereka set untuk menghasilkan sebuah rekaan dan binaan set sesebuah pementasan. Tugas sinografi seperti pereka set dan pencahayaan juga penting untuk menterjemahkan segala yang ada dalam skrip kepada bentuk realistik sepertimana yang terdapat dalam pentas Teater SARAH. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang membicarakan tentang konflik dalaman manusia dalam pementasan ini. Penonton perlu memberi tumpuan supaya setiap isu yang dipentaskan tidak terlepas daripada pemahaman para penonton. Oleh sebab itu, terdapat keimbangan jika drama ini sukar dinikmati oleh penonton untuk memahami jalan cerita yang disampaikan. Terdapat beberapa *viewpoint* dalam persembahan. Idea yang dikatakan kreatif dengan unsur-unsur kekaguman *spectacular* yang menarik seperti tayangan pelakon yang menjayakan satu babak dengan menggunakan pemetaan pancaran *liquid crystal display* (LCD) yang menampakkan elemen dramatik dalam persembahan.



Gambar 1: Poster Teater SARAH

Elemen Pencahayaan

Tugas pengarah dan pereka pencahayaan adalah memastikan reka bentuk cahaya dapat memberi kesan dramatik yang baik menerusi pementasan Teater SARAH. Kemampuan pengarah dan pereka pencahayaan dapat menghasilkan elemen-elemen kekaguman (*spectacle*) dan penggunaan teknik *projection* dalam pementasan tersebut. Kewujudan kedua-dua elemen ini mempertingkatkan penggunaan pencahayaan dalam pementasan teater sekaligus membantu dalam mendramatikkan pementasan SARAH ini. Hasil yang diperoleh mendapati pereka pencahayaan telah memahami kehendak pengarah dan keperluan penonton yang mentakrifkan bahawa pencahayaan mempunyai kebolehan untuk mentakrifkan peristiwa dramatik yang berlaku di atas pentas. Setiap rekaan pencahayaan pentas memainkan peranan penting dalam sesebuah pementasan. Pencahayaan mempunyai kebolehan untuk mentakrifkan peristiwa dramatik yang berlaku di atas pentas. Menurut Mollay (2014) dalam kajian *The Art of Theatrical Design* pencahayaan pentas dapat mewujudkan ruang dan situasi dengan menyeragamkan elemen visual di atas pentas untuk memudahkan penonton memahami perjalanan cerita. Keadaan ini bukan sahaja memantapkan lagi pementasan yang dihasilkan malahan turut meningkatkan mutu pementasan. Proses bagi mendapatkan hasil pencahayaan yang baik, pereka pencahayaan perlu menjalani eksperimental terlebih dahulu supaya dapat mencetuskan idea dalam rekaan. Semua kajian visual ini dikaji dan diterjemahkan ke atas pentas. Dari sudut teater, pementasan teater merupakan satu platform komunikasi antara pelakon dan penonton di mana penonton mendapat sesuatu mesej selepas menonton pementasan tersebut. Keadaan ini hanya boleh berlaku apabila penonton memerhati elemen visual di atas pentas. Melalui pementasan drama SARAH, bahagian pencahayaan pentas merupakan salah satu medium untuk menyampaikan mesej kepada penonton. Dalam kajian ini, pencahayaan pentas telah bertindak menaikkan *mood* para penonton dalam menghidupkan setiap babak dan adegan. Walau bagaimanapun, dalam rekaan pencahayaan ini tidak mampu berdiri sendiri di atas pentas untuk memberi informasi secara spesifik dalam sebuah pementasan seperti latar masa dan latar tempat. Malahan perlu digabungkan dengan beberapa elemen-elemen artistik lain seperti set, kostum, tatarias, penggunaan teknologi multimedia dan bunyi untuk mencapai objektif ini. Berdasarkan Mollay (2014), reka bentuk pencahayaan boleh dipelbagaikan untuk mengekspresikan nilai estetik dalam pementasan. Hal ini kerana ekspresi nilai estetik ini dapat dipengaruhi oleh perkembangan situasi cerita atau *mood* pelakon dari aspek pencahayaan pentas.

Menurut buku *Stage Lighting: Fundamentals and Application*, Richard E. Duham ada memperkatakan bahawa gabungan antara pencahayaan dan unsur artistik lain dapat mewujudkan satu persekitaran tersebut yang mencipta dunia pementasan (*establishing a scene*) dan mencipta sesuatu babak bagi menggambarkan situasi cerita. Rekaan pencahayaan dalam teater SARAH, ahli produksi telah menggunakan pelbagai warna ini untuk mencipta suasana fantasi. Pemilihan warna hendaklah diselaraskan dengan latar dan set dan pencahayaan agar tidak bercanggah dengan kemahuan pementasan. Selain daripada penggunaan warna, dan juga dijadikan sebagai satu kaedah untuk membolehkan penonton mendalami jalan cerita yang terkandung dalam babak tersebut.



Gambar 2: Rekaan pencahayaan bagi situasi klimaks



Gambar 3: *Spot lighting* situasi ketenangan

Dapatan Temu bual Peranan Pencahayaan dalam Pementasan SARAH

Pencahayaan memberi kekuatan pada persembahan dengan memberi impak yang besar dalam persembahan teater. Begitu juga dengan pementasan teater SARAH, pereka pencahayaan telah meneroka ilmu tatacahaya dengan lebih mendalam dan memahami keperluan emosi para pelakon dalam setiap babak. Penggunaan pencahayaan dapat mengikut *mood* dan babak dalam Teater SARAH.

Selain daripada itu, pencahayaan yang digunakan dalam Teater SARAH mampu mewujudkan mewujudkan suasana di atas pentas yang memberi kesan kepada para penonton. Dalam Teater SARAH rekaan pencahayaan pentas mampu mewujudkan suasana eksperimental ini atau berunsurkan elemen-elemen abstrak sepertimana mengikut kehendak naskah. Dapat dibuktikan dalam temu bual seperti berikut:

- PP: Sebab ini teater yang berkonsepkan abstrak dan stail eksperimental ya. Jadi pencahayaan itu dapat mencantikkan lagi *mood* atas pentas tu. Cahaya-cahaya ni main peranan untuk memberi kesan dramatik dan gabungkan warna-warna gel tersebut.

Hal ini dapat menggambarkan artistik yang menyerlah dan silauan cahaya yang jelas telah menunjukkan kedudukan para pelakon apabila beraksi di atas pentas. Reka bentuk tatacahaya yang digunakan di atas pentas merupakan satu elemen visual yang mesti ada dalam setiap pementasan. Justeru, proses tatacahaya telah dilaksanakan secara konsisten dan sistematik mengikut keperluan babak serta adegan. Oleh itu, murid telah menyatakan fungsi tatacahaya telah memberi *mood* kepada para pelakon dan mewujudkan kepercayaan sementara pada penonton terhadap situasi yang ditonjolkan di atas pentas. Hal ini dapat diperjelaskan dalam penulisan pereka pencahayaan seperti berikut:

PP: Fungsi *lighting* dalam pementasan teater memang sangat penting. Maka, fungsi cahaya ini memberi impak dalam lakonan seperti dapat menaikkan emosi dan membantu dalam menghidupkan watak apabila beraksi di atas pentas. Pancaran cahaya ini kita bagi ikut apa pengarah nak..kita bagi ikut situasi emosi babak tu. Penggunaan *lighting* tu penonton tahu emosi dan *mood* pelakon.

(Pereka Pencahayaan)

Menurut peserta kajian (pp), peranan pencahayaan yang baik dapat membantu para pelakon menjayakan watak dengan baik. Hal ini seperti diterangkan di bawah:

PP: Bantuan *lighting* ni dapat menaikkan *mood* pelakon untuk lebih menghayati sesuatu watak yang mereka bawak. Sebab tu main dengan *lighting* saja..Ada satu babak Syed Amir bermonolog dalam mesti berada dalam keadaan tenang. Jadi mainan *lighting* itu membantu pelakon lah melafazkan dialog mereka tu.

Jelaslah apa yang diperkatakan, peranan pencahayaan membantu para pelakon membina emosi para pelakon dalam menyampaikan wataknya. Seperti pencahayaan berwarna merah dan oren apabila aksi pergaduhan dan klimaks.

PP: Babak-babak akhir ada moment pergaduhan dan rebutan yang memerlukan pencahayaan terang dan menunjukkan ketegangan. Jadi saya letakkan lampu warna terang contohnya merah dan oren. Hal ini dapat naik emosi pelakon dan penonton dapat tahu apa yang sedang berlaku.Bergaduh dan emosi tengah marah.

Seperti gambar di bawah menunjukkan, elemen pencahayaan dalam Teater SARAH yang direka dalam pementasan dapat menunjukkan situasi di atas pentas walaupun sesuatu babak menunjukkan pada waktu malam. Penonton dapat menyaksikan di atas pentas berkaitan elemen-elemen visual seperti paparan set, kostum dan pelakon. Para penonton supaya dapat menyaksikan persembahan dengan jelas dan fokus kepada sesuatu yang berlaku pada babak tertentu. Hal ini diterangkan seperti berikut

PP: Kalau babak malam, kita tak boleh *off* kan lampu..macam mana penonton nak tengok. Jadi lampu malam dan berlatar belakangkan gelap. Serta ada bunyi audio untuk menunjukkan situasi babak itu waktu malam.

Selain itu, PP menyatakan reka bentuk pencahayaan di atas pentas adalah berfungsi untuk menggabung jalinan stail persembahan dari segi warna set, prop dan kostum. Dengan gabungan ini dapat menghasilkan sebuah visual yang menarik di atas pentas. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

PP: Kegunaan tatacahaya dalam teater ini dapat menonjolkan semua yang ada atas pentas tu, set ruang tamu tu ada meja, kerusi, ada gambar-gambar tampil kat dinding tu. Jadi bila ada *lighting*. Kedudukan pentas tu jadi menarik dengan adanya pancaran *lighting* tu.

Menurut pereka pencahayaan terdapat empat aspek penting dalam pengendalian Teater SARAH yang dipraktikkan seperti *intensity*, *distribution*, *colour*, *movement*. Keempat-empat aspek ini boleh mempengaruhi prestasi kesan pencahayaan yang direka bentuk dalam setiap babak. Hal ini dapat dirujuk dalam petikan berikut:

PP: Empat aspek utama untuk beri kesan dramatik iaitu *intensity* iaitu kekuatan dalam pencahayaan yang digunakan, lepas tu *distribution* proses yang dijalankan, *colour*..warna-warna yang dipilih dan *movement* iaitu pergerakan lampu di atas pentas sekaligus mengikuti gerakan para pelakon dan *mood* dalam babak pementasan tersebut.

Malah, pencahayaan yang digunakan dalam pementasan adalah untuk menyampaikan kepada penonton mengenai sesuatu yang berlaku di atas pentas. Berikut petikan temu bual:

PP: Fungsi *lighting* itu untuk nak beritahu kepada penonton tentang apa yang terjadi dalam babak tu. Sebagai contohnya kalau terjadi babak sedih, maka lampu itu dimalapkan sikit, jika ada emosi tengah klimaks atau marah akan diwarnakan merah atau diterangkan supaya emosi tu sampai juga kepada penonton.

Maka, jelaslah pendapat PP yang terlibat dalam pencahayaan menyatakan fungsi dalam sesebuah pementasan teater mampu mempamerkan situasi serta memperjelaskan perkembangan aksi dramatik dalam sebuah drama dengan menunjukkan emosi pelakon melalui babak dan adegan dalam pementasan drama tersebut.

Peranan Set dalam Pementasan SARAH

Pereka set yang kreatif mestи bermain dalam minda tentang sesuatu rekaan set yang dihasilkan. Pertanyaan demi pertanyaan bermain difikiran pereka set. Pertanyaan seperti ini mungkin dapat memberi percambahan idea dalam rekaan. Pereka set perlu mengenal bentuk pentas

persembahan untuk mendapatkan gambaran ruang yang akan digunakan untuk pementasan teater. Terdapat tiga bentuk pentas persembahan, iaitu pentas *proscenium* pentas arena dan pentas *thrust*. Reka bentuk set juga tidak terkecuali dalam menghasilkan karya dengan mengikut konsep persembahan pentas. Beberapa aspek-aspek visual dititikberatkan seperti hiasan binaan pada set, aspek latar pentas. Justeru, murid yang terlibat dalam rekaan set mesti membaca dan memahami skrip tersebut untuk diterjemahkan di atas pentas. Berikut yang dinyatakan dalam penulisan pereka set pentas (PSP) teater SARAH:

PSP: Untuk *setting* set atas pentas adalah perkara paling penting. Set adalah perkara pertama penonton nak tengok. Kami hanya guna dua set utama sahaja di atas pentas..berbentuk papan kosong yang dipancarkan dengan lighting dan guna backdrop. Dua-dua set ni adalah dominan dimana pelakon sentiasa berada di tengah-tengah pentas. Kita lebih unsur-unsur kosong..supaya penonton dapat fokus pada apa yang berlaku di atas pentas.

(Pereka set)

Pereka set juga penting untuk menterjemahkan segala yang ada dalam skrip kepada bentuk realiti. Aspek seni visual persembahan di sini memberi kesan yang besar terhadap sesebuah persembahan. Pereka set dengan pengaruh penting untuk menentukan hala tuju, nilai visual dan estetika sesebuah persembahan teater.

Melalui pementasan Teater SARAH set yang dipaparkan satu olahan skrip yang dilakukan lebih dramatik. Hal ini juga kesatuan elemen reka bentuk serta *artistic* di atas pentas bukan sahaja dapat membantu menyampaikan cerita malah boleh mengangkat persembahan apabila pementasan berlangsung. Seperti yang dinyatakan di bawah;

PSP: Set-set yang digabungkan dapat dijadikan satu gambaran sebuah tempat, contohnya bongkah kayu yang digunakan untuk nampakkan sebuah pentas untuk para pelakon berlakon di atasnya. Boleh digunakan supaya pelakon yang dominan dapat beraksi di atas tu.

Seperti mana yang dipersembahkan terhadap latar tempat dan latar masa untuk babak tertentu dalam Teater SARAH menggunakan konsep minimalis. Hal ini dinyatakan seperti di bawah;

PSP: Set kita tidak mewah...bukan kerana bajet yang tiada, tetapi konsep minimalis lebih berkesan. Sebab walaupun minimalis, tetapi set yang dominan. Apabila dominan penonton akan nampak dengan jelas apa yang disampaikan kepada mereka. Contoh set kekal yang digunakan, hanya bertukar latar sahaja untuk menunjukkan perbezaan babak dan adegan.

Konsep minimalis dalam rekaan pentas, ia sudah cukup memadai untuk memberikan gambaran yang mudah difahami dan diterima oleh penonton tanpa melakukan banyak proses rekaan. Hal ini dapat dijelaskan seperti berikut;

PSP: Kalau set yang serabut di atas pentas, akan kacau penglihatan penonton. Lagi pun kita bukan buat cerita genre realisme, ini bergenre abstrak. Jadi konsep minimalis memadai dan hanya memberi tumpuan terhadap lakonan sahaja.

Dalam pementasan Teater SARAH ini terdapat beberapa aspek-aspek visual dititikberatkan. Peranan pengarah dan pereka set perlu memahami dan menilai keperluan hiasan dalam set dan prop agar ianya selari dalam babak atau adegan. Fungsi set dan prop yang diletakkan di atas pentas yang mewakili beberapa simbol atau lambang sesebuah pementasan tersebut. Tambahan pula, pementasan ini genre abstrak yang memberi penekanan terhadap simbol dan lambang. Dapat dijelaskan seperti berikut;

PSP: Dalam teater abstrak penonton susah nak faham jadi dengan adanya lambang atau simbol ini memudahkan para penonton memahami cerita tersebut. Mereka tahu set atau prop tu menunjukkan sesuatu dan membantu pelakon react dengan penyediaan set tersebut. Penonton kena banyak berfikir tetapi dengan lakonan dan set yang memerlukan lambang atau simbol memudahkan penonton faham jalan cerita tersebut.




Gambar 4: Salah satu babak dalam Teater SARAH

Skop rekaan secara menyeluruh dapat dilihat. Dari segi rekaan, pereka set telah menyelidik dan menjalani proses mereka bentuk terhadap rekaannya dan binaan set. Rekaan merangkumi dalam aspek pemilihan warna, corak rekaan, kekuatan, bentuk dan sebagainya. Hubungan berkait yang sama dengan konsep rekaan set yang lain. Seperti yang dijelaskan di bawah;

PSP: Kebanyakan set yang perlu ada berkait rapat. Bersepadu dalam rekaannya. Jika satu set yang tiada kaitan dari aspek warna atau bentuk, nilai estetik itu akan lari. Penghasilan set kena sama dan seimbang.

Rekaan set yang melalui proses reka bentuk yang sistematik dapat membantu binaannya lebih sempurna dan jika maklumat yang diketahui adalah tidak betul maka binaan set dan rekaannya akan gagal menjadi sebuah set yang baik. Seperti mana pereka set mahukan binaan setnya menjadi suasana riuh pikuk dengan adanya unsur-unsur mistik maka ia perlu mempunyai pengetahuan tentang teknik pencahayaan sesuai iaitu menjadikan suasana seram. Seperti Gambar 4 di atas. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa responden berpendapat mengenai reka bentuk pencahayaan yang dihasilkan dalam pementasan Teater SARAH telah membantu mengangkat jalan cerita serta dengan unsur-unsur sinografi sebagai visual komunikasi dalam menyampaikan mesej kepada penonton.



Gambar 5: Set pentas yang digunakan dalam teater SARAH

Peranan Kostum Bercirikan Pengaruh Kepercayaan

Fungsi pengayaan kostum dalam persembahan teater merupakan salah satu peranan yang penting untuk memperkenalkan dan menunjukkan bagi setiap watak dan perwatakan bagi meletakkan peranan watak dalam sesuatu latar era, zaman atau latar tempat mengikut skrip, konteks dan konsep persembahan yang diarahkan oleh pengarah pentas (Anderson, 1999). Hong et al. (2019) ada menyatakan hubungkaitkan kostum yang berteraskan semiotik atau perlambangan yang ditonjolkan dapat memberi signifikasi pada kostum sebagai satu sistem tanda yang memberi maksud jalan cerita dan latar cerita seperti pengaruh tradisi, kepercayaan, dan keagamaan. Peranan kostum yang digayakan oleh para pelakon telah mewujudkan peluang untuk memberikan gambaran luar biasa terhadap lakonan supaya mengandungi unsur kekaguman supaya boleh meningkatkan kefahaman kepada para penonton dalam pementasan SARAH. Oleh yang demikian, pereka kostum telah merekabentuk dan menyediakan dengan pelbagai kombinasi seperti penggunaan warna, corak dan ukuran. Rekabentuk yang kreatif dapat meletakkan para pelakon untuk menjawai watak dengan mudah jika gambaran persekitarannya yang dicipta adalah jelas dan menarik. Penampilan estetika para pelakon yang memakai kostum seperti mana yang dipamerkan dalam ideologi kreatif kostum dan perhiasan diri bertujuan sebagai penghubung maklumat dan pengantar jalan cerita kepada penonton.

Peserta kajian yang terlibat dalam rekaan kostum perlu mengambil kira dari aspek kesesuaian kostum dengan latar belakang pentas (*backdrop*). Baju yang dipakai oleh para pelakon mesti sesuai dengan pencahayaan pentas agar penonton dapat menonton dengan selesa dan tidak terganggu dengan pemilihan warna yang malap. Pemilihan warna yang terang dapat memberi kesan dan jelas apabila beraksi di atas pentas.

Teater SARAH merupakan sebuah karya ini bersifat dinamik keseluruhannya kerana berjaya menggabungkan pelbagai bidang kajian dan naskah pementasan ini dicipta untuk memberi satu perspektif baharu dalam aspek sinografi dan lakonan. Hasil pemerhatian didapati bahawa kostum yang direka secara teliti dan artistik menggambarkan mentakrifkan kostum sebagai pakaian yang direka untuk meningkatkan kesan visual terhadap peranan watak dan peranan pelbagai perwatakan seperti kekayaan dan martabat individu tersebut. Dalam setiap pementasan teater, peranan kostum merupakan elemen penting yang tidak sepaututnya dipandang ringan, sebaliknya dititikberatkan dalam soal rekaan kostum rekaan yang telah direka khususnya bagi setiap watak. Kostum yang digayakan, selain daripada untuk menghiasi para pelakon, kostum juga bertanggungjawab meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan pelakon terhadap pembawaan watak perwatakan. Menerusi Teater SARAH, tidaklah seperti kostum teater bangsawan, diraja, malahan kostum seperti realistik. Namun, terdapat watak yang mengenakan kostum seperti hantu yang menunjukkan peranan watak yang diwujudkan oleh pengarah. Selain daripada itu, peranan watak telah berjaya dengan bantuan penggunaan kostum masing-masing. Peranan watak dengan kostum banyak mempengaruhi jalan penceritaan dan juga rekaan kostum yang mengizinkan kebebasan pergerakan bagi setiap para pelakon.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Rumusannya, elemen sinografi dalam sebuah pementasan amat penting, tanpa adanya elemen pencahayaan pentas, set dan kostum penonton tidak dapat untuk memahami cerita yang dipentaskan. Dapatkan yang diperolehi dapat menjelaskan kesatuan dan keharmonian dalam elemen sinografi artistik yang bertindak sebagai pelengkap untuk membentuk setiap set, pencahayaan dan kostum dapat membantu pemahaman penonton terhadap Teater SARAH. Disiplin sinografi adalah satu bahagian yang penting dalam aspek pementasan teater, tanpa pengetahuan yang terperinci mengenai sinografi sebuah pementasan itu tidak dapat memberi kesan yang berkualiti. Selain itu, setiap para pereka sinografi perlu mereka cipta visual melalui proses yang kritis.

Bagi mereka yang terlibat dalam bahagian sinografi harus bijak mengubah sesuatu rekaan kepada bentuk yang lebih signifikan serta kebolehgunaan. Bahagian sinografi perlu diberi kebebasan untuk berkarya dalam menghasilkan produk seni yang mampu meninggalkan kesan dramatik terhadap persembahan serta kepada para penonton. Bagi seorang pengarah, pereka set, prop, kostum, tatarias, audio dan tatacakaya harus yakin sepenuhnya dengan idea sendiri tetapi juga harus bersedia untuk menerima idea-idea baru.

Fungsi sinografi tidak hanya sebagai latarhias semata-mata tetapi ianya perlu kemahiran kreativiti dan yang paling penting mesti mempunyai aspek-aspek *spectacles* (kekaguman). Hal ini kerana karya yang dipentaskan itu dapat mengembangkan pandangan para penonton untuk menjalankan tafsiran terhadap sudut pandang yang berada di atas pentas serta menjalani proses penerimaan berkaitan elemen-elemen semiotik yang dipentaskan. Rekaan sinografi dalam

pementasan Teater SARAH juga bertujuan mendedahkan kepada para penonton bahawa naskhah SN Noordin Hassan mampu membuka ruang eksplorasi dalam aspek rekaan artistik melalui pengadaptasian dari skrip kepada visual pentas. Peranan dalam elemen pencahayaan, set dan tatarias yang ditonjolkan dalam pementasan Teater SARAH amat penting dalam sesebuah persembahan teater. Jika tiada dibekalkan dengan elemen-elemen pencahayaan pentas, penonton tidak dapat menghayati jalan cerita dan kurang faham jalan cerita yang disampaikan. Setiap elemen sinografi tersebut telah menjalinkan satu bentuk kesatuan dan keharmonian yang dapat melengkapkan sebuah cerita dalam memvisualkan pementasan Teater SARAH ini. Imej-imej yang ditunjukkan dapat memberi kesan dramatik kepada para penonton dan berkongsi emosi terhadap watak perwatakan yang dijayakan. Selain itu, penonton dapat berfikir secara kreatif dan kritis terhadap pandangan mereka semasa menonton pementasan yang dapat mentafsir, menginterpretasi dan menghayati setiap unsur-unsur semiotik yang dipaparkan selepas pementasan tersebut. Unsur semiotik dilihat memiliki simbolik makna yang implisit (Sarudin et al., 2020). Terdapat daptan yang menunjukkan aspek komunikasi secara visual telah menjadi lebih artistik dan kreatif dalam sesebuah pementasan. Jika dilihat dalam Teater SARAH banyak bergantung pada penerangan dan pengaruh visual dalam persembahan yang berkonseptkan aliran abstrak.

BIODATA

Mohd Amir Mohd Zahari (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Berkepakaran dalam bidang Drama dan Teater dalam Pendidikan. Email: amir.mz@fbk.upsi.edu.my

Azrul Azizi Amirrul (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Seni Bahagian Drama dan Teater di Universiti Sains Malaysia (USM). Berkepakaran dalam bidang teater dan sinografi pentas. Email: azrulazizi@usm.my

Mardiana Ismail (Phd) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, UPSI. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang lakonan, dramaturgi dan teater tradisional. Email: mardiana.ismail@fmsp.upsi.edu.my

RUJUKAN

- Abdul Ghani, M. T., & Wan Daud, W. A. (2018). Adaptation of ADDIE instructional model in developing educational website for language learning. *Global Journal al Thaqafah*, 8(2), 7-16. <https://doi.org/10.7187/GJAT122018-1>
- Abdul Manan, K., Md Nor, S., & Omar, B. (2013). Model penilaian Kirkpatrick: Mengkaji pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan latihan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 31-50.
- Anderson, B., & Anderson, C. (1999). *Costume design* (2nd ed.). Wadsworth, Australia: Thomson.
- Ariffin, Z. (1981). *Drama Melayu moden dalam eseи*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balodis, J. (2012). *The practice of adaptation; Turning fact and fiction into theatre* [PhD thesis, Queensland University of Technology, Australia]. <https://eprints.qut.edu.au/60917/>
- Courtney, R. (1991). *Lakonan, drama dan pemikiran latar belakang intelektual drama dalam pendidikan* (Rahmah Bujang. Terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunham, R. (2011). *Stage lighting: Fundamentals and applications*. London: Pearson Education.
- Fernando, D. T. (1995). *Theater semiotics: Text and staging in modern theatre*. London: University of Toronto Press. <https://doi.org/10.3138/9781442682597>
- Hong Kim Lan, Nur Hilyati Ramli, Mumtaz Begum Aboo Backer, Muhizam Mustafa, & Mohd Najib Abdullah Sani. (2019). Mengimajinasi reka bentuk kostum dan perhiasan badan untuk persempahan "Bermulanya Di Sini...Kedah Tua". *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 18(1), 53–63. <https://doi.org/10.21315/ws2019.18.Supp.1.8>
- Howard, P. (2009). *What is scenography?* London: Routledge.
- Ismail, A., Sarudin, A., Osman, Z., & Redzwan, H. F. M. (2021). The process of forming a more complex idiomatic meaning using a principle of integration metaphors. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 86–110.
- Matnoh, N. A., Md. Dawam, Z. A., & Cheang, S. C. (2016). Simbolisme watak dan perwatakan berdasarkan konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia dalam filem Ola Bola (2016). e-Bangi: *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(6), 1-13.
- Md Khir, R. J. (2009). *Teater Moden Malaysia dalam Said Halim Said Nong apresiasi seni teater Malaysia*. Universiti Malaya: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya.
- Mollay, K. E. (2014). *The art of theatrical design: Elements of visual composition, method and practice* (1st ed.). London: Routledge.
- Omar, A., Mohd Zahari, M. A., & Muhammad, F. H. (2019). *Drama dan teater dalam pendidikan: Pengertian, teori dan amalan*. Tg. Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sarudin, A., Muhammad, M. M., Zaini, M. F., Osman, Z., & Muhsin, M. A. A. (2020). Collocation analysis of variants of intensifies in classical Malay texts. *GLOCAL Conference Proceedings* (pp. 352–357).